



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(82)  
Tarikh: 09 JUN 2022

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

### MAKLUMAN PENGGUNAAN JADUAL WAKTU ANJAL BARU PADA SEMESTER DUA TAHUN 2022/2023

Memandangkan negara kita kini berada di fasa peralihan ke endemic serta merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa penjarakan fizikal antara individu tidak diperlukan lagi bermula pada 1 Mei 2022. Maka, pihak sekolah mengambil inisiatif untuk menangani isu kekurangan kelas yang kondusif dengan mengembalikan kelas Tahun 4 dan 5 dari jumlah enam kelas kepada lima kelas. Oleh yang demikian, Jadual Waktu Anjal baru yang disebut sebagai "**Jadual Waktu (C)**" ini akan digunakan mulai pembukaan persekolahan Semester Dua iaitu pada **13 Jun 2022 (Isnin)**. Ibu bapa diminta untuk membimbing anak-anak mengemas beg berdasarkan Jadual Waktu (C) dengan membawa buku-buku yang diperlukan sahaja.

02. **Waktu penyuraian adalah seperti biasa.** Para ibu bapa/penjaga dinasihatkan mengambil anak dari sekolah berdasarkan jadual waktu penyuraian secara bergilir-gilir yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Berikut adalah jadual waktu penyuraian setiap tahun:

Tahun	Waktu Penyuraian
Tahun 1	11.50 pagi
Tahun 2	12.00 tengah hari
Tahun 3	12.10 tengah hari
Tahun 4	12.20 tengah hari
Tahun 5	12.30 tengah hari
Tahun 6	12.40 tengah hari

03. **Perhatian kepada ibu bapa / penjaga :** Menurut arahan daripada KPM, semua murid **WAJIB** bersekolah seperti biasa mulai 18 April 2022 dan sistem perekodan disiplin Unit Hal Ehwal Murid juga diaktif semula pada masa yang sama. Sekiranya ibu bapa / penjaga tidak menghantar anak-anak bersekolah, surat maklumat dengan sebab yang munasabah perlu disediakan dan hantar ke sekolah (Pondok Pengawal Keselamatan) atau hantar kepada Guru Kelas sebagai rekod. Kegagalan pengambilan tindakan tersebut daripada ibu bapa / penjaga, pihak sekolah akan mengambil tindakan merekodkan anak tuan / puan sebagai "**Tidak Hadir Tanpa Sebab**" atau "**Ponteng Kelas**" sebagai perekodan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dengan mengambil kira peraturan yang ditetapkan secara berperingkat.

04. Pihak sekolah amat berharap para ibu bapa / penjaga mematuhi Dasar Pendidikan dan memberikan kerjasama yang padu untuk menghantar anak-anak kalian kembali belajar di sekolah seperti biasa untuk mengelakkan isu pembelajaran anak-anak ketinggalan jauh. Hari pembukaan persekolahan Semester Dua adalah pada **13 Jun 2022 (Isnin)**.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KITA JAGA KITA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**MOK SUN FU**

Guru Besar  
SK (C) Anglo Chinese,  
Kota Kinabalu.